

PROGRAM JIWA MURNI DI MASJID TUAN GURU TANJUNG TOKONG

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4939-program-jiwa-murni-di-masjid-tuan-guru-tanjung-tokong

TANJUNG TOKONG, 3 Mei 19 - Pegawai Memerintah Institut Kepimpinan Dan Pengurusan (INSKEP) Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM bersama warga INSKEP dan Penuntut Kursus 'Junior Officer Course' Siri 6/19 telah mengadakan satu Program Jiwa Murni di Masjid Tuan Guru Tanjung Tokong, Pulau Pinang bersama-sama dengan Pengerusi Masjid, Ustaz Shabudin bin Bapu serta ahli-ahli jawatankuasa masjid tersebut.

Program ini berkonsepkan gotong-royong bagi membersihkan kawasan perkarangan masjid. Program ini juga bertujuan bagi memupuk nilai-nilai murni di dalam diri setiap anggota serta untuk mengeratkan hubungan silaturrahim diantara warga TUDM amnya dan warga INSKEP khasnya bersama penduduk setempat. Jutaan terima kasih kepada Lt Muhamad Syazwan bin Ahmad TUDM dan Bahagian Materiel INSKEP kerana telah mengkoordinasikan program tersebut.



